

03/11/2003

Lebih 60,000 kunjungi pameran foto Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Pameran foto Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan di Balai Seni Lukis Negara mencatat lebih 60,000

pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat dan budaya sejak dibuka kepada orang ramai 6 Oktober lalu.

Walaupun ketika umat Islam menjalani ibadat puasa, sambutan orang ramai

ke pameran itu tetap menggalakkan.

Seorang pengunjung, Junaida Mohd Nor, 34, berkata penat berpuasa tidak menjadi halangan kepadanya untuk membawa anak-anaknya mengunjungi pameran berkenaan.

"Ia dapat memberikan kita pendedahan mengenai perjalanan hidup yang dilalui bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad selama 22 menerajui Malaysia.

Junaida berkata, rakaman pelbagai aksi dan gelagat bekas Perdana Menteri

jelas menunjukkan kepada kita bahawa beliau adalah seorang negarawan yang unggul.

"Selain itu pameran berkenaan juga dapat mendidik anak-anak saya untuk mengenali seorang pemimpin yang banyak berjasa kepada negara," katanya.

Pengunjung dari Cheras, Rosaidi Md Noh, 34, berkata pameran yang diadakan itu jelas menceritakan rentetan peristiwa sepanjang perjalanan yang dilalui Dr Mahathir sebagai seorang Perdana Menteri.

"Ia satu pameran yang bagus dan sebagai satu penghargaan yang tinggi kepada beliau yang pernah memimpin negara ini," katanya.

Turut mengunjungi pameran itu semalam adalah anak kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Mukhriz Mahathir.

Beliau yang hadir bersama isterinya, Datin Norzeita Zakaria dan anak-anak mereka turut tidak mahu melepaskan peluang untuk menyaksikan rakaman

suka duka perjalanan hidup yang pernah dilalui bapanya sebagai seorang Perdana Menteri selama 22 tahun.

Pameran selama dua bulan yang masuk hari ke-27 semalam, memaparkan 1,031

koleksi gambar pelbagai peristiwa yang dilalui Dr Mahathir sebelum dan ketika menjadi Perdana Menteri akan berakhir pada 6 Disember ini.

Ia dibuka dari jam 10 pagi hingga 6 petang dan masuk adalah percuma.